

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
PELAN KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN UNTUK
PELAKSANAAN KAJIAN PENILAIAN KEBERKESANAN
PROGRAM PEMBIAYAAN MIKRO AR RAHNU YaPEIM
YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA
(YaPEIM)
(No. Rujukan: BKK/SPPP/RFP/2019-0001)



يَا يَاهُنْ قِبَاغُونِ اِيكُونِ مِيحَا اِهْلَامِ مَلِيهِيَا
YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)
TINGKAT 8, GRAND SEASONS AVENUE, NO. 72 JALAN PAHANG
53000 KUALA LUMPUR

Kandungan

1. NOTIS JEMPUTAN <i>REQUEST FOR PROPOSAL</i>	3
1.1 Kata Pengantar	3
1.2 Pertanyaan	3
1.3 Serahan Kertas Cadangan Penyelidikan.....	3
1.3.1 Masa dan Tarikh.....	3
1.3.2 Alamat dan Cara Serahan	4
1.3.3 Pembentangan Penyelidik	4
2. TERMA DAN SYARAT.....	5
2.1 Penglibatan dan Penyerahan	5
2.2 Pelan Kertas Cadangan Penyelidikan.....	5
2.2.1 Bahasa.....	5
2.2.2 Harga / Kos	6
2.2.3 Kandungan	6
2.2.4 Tempoh Sah Laku Kertas Cadangan Penyelidikan.....	6
2.2.5 Kerahsiaan	7
2.3 Kontrak.....	7
2.4 Hak Cipta	7
3. LATAR BELAKANG.....	7
4. KEPERLUAN PELAKSANAAN KAJIAN PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM PEMBIAYAAN MIKRO AR RAHNU YaPEIM	8
4.1 Pengenalan	8
4.2 Objektif dan Skop Kajian	9
4.2.1 Objektif kajian yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:-	9
4.3 Perincian Kajian.....	10
4.4 Skop Penyelidik	11
5. PENILAIAN KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN	12
6. FORMAT BALAS	12
6.1 Surat Pengantar.....	12
6.2 Kertas Cadangan Penyelidikan.....	13
6.3 Biodata Penyelidik (CV).....	13

1. NOTIS JEMPUTAN *REQUEST FOR PROPOSAL*

1.1 Kata Pengantar

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) ingin menjemput Penyelidik-Penyelidik yang berwibawa untuk mengemukakan Kertas Cadangan Penyelidikan yang komprehensif untuk menjalankan **Kajian Penilaian Keberkesanan Program Pembiayaan Mikro Ar Rahnū YaPEIM**.

Pelan Kertas Cadangan Penyelidikan (RFP) ini menyediakan perincian kajian sebagai panduan kepada Penyelidik-Penyelidik untuk mengemukakan Kertas Cadangan Penyelidikan yang dapat memenuhi keperluan YaPEIM.

1.2 Pertanyaan


Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut mengenai RFP ini hanya akan diterima secara bertulis atau melalui e-mail dan dikemukakan kepada penyelidikan.yapeim@gmail.com. Penjelasan/penerangan untuk semua pertanyaan juga akan dibalas melalui e-mail.

1.3 Serahan Kertas Cadangan Penyelidikan

1.3.1 Masa dan Tarikh

Kertas Cadangan Penyelidikan hendaklah dikemukakan semasa waktu pejabat sebelum/pada jam 5.45pm, Masa Malaysia, **21 November 2019**. Kertas Cadangan Penyelidikan yang dikemukakan selepas waktu dan tarikh ini tidak akan dipertimbangkan.

Penyelidik akan diberi masa yang mencukupi untuk menyediakan dan mengemukakan Kertas Cadangan Penyelidikan mengikut garis masa di bawah:



1.3.2 Alamat dan Cara Serahan

Para Penyelidik dikehendaki menyediakan satu softcopy (**format Microsoft Office**) dan hardcopy Kertas Cadangan Penyelidikan dan hantarkan kepada alamat atau melalui e-mail seperti berikut:

PEMANGKU PENGARAH

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)

TINGKAT 8, GRAND SEASONS AVENUE, NO. 72 JALAN PAHANG

53000 KUALA LUMPUR

u/p: Seksyen Pembangunan Perniagaan & Penyelidikan

Email : penyelidikan.yapeim@gmail.com

Kertas Cadangan Penyelidikan yang dikemukakan hendaklah dilabelkan oleh Penyelidik dengan tajuk Penyelidikan seperti berikut:

Kertas Cadangan Penyelidikan Untuk Pelaksanaan Kajian Penilaian

Keberkesanan Program Pembiayaan Mikro Ar Rahnua YaPEIM

Nama Ketua Penyelidik

No. Rujukan: BKK/SPPP/RFP/2019-0001

YaPEIM boleh, mengikut budi bicaranya melanjutkan tarikh tutup bagi memberi masa tambahan. Sebarang dokumen yang tertinggal / tidak disertakan dalam sampul surat serahan atau e-mail tidak akan diterima walaupun diserahkan sebelum masa dan tarikh tutup serahan. Kertas Cadangan Penyelidikan yang dihantar dan telah diterima oleh YaPEIM tidak boleh ditarik balik atau diubah suai.

Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan kertas cadangan penyelidikan ini merupakan satu kesalahan jenayah dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

1.3.3 Pembentangan Penyelidik

YaPEIM akan mengumpul dan membuat penilaian terhadap semua Kertas Cadangan Penyelidikan untuk disenarai pendek. Penyelidik yang disenarai pendek akan dijemput melalui e-mail untuk membentangkan Kertas Cadangan Penyelidikan bagi tujuan penilaian dan pemilihan.

Pembentangan ini akan memberi peluang kepada Penyelidik untuk menerangkan keupayaan metodologi, garis masa, bajet dan pasukan yang dicadangkan. Ia juga membolehkan YaPEIM mendapatkan penjelasan lanjut dan memastikan Kertas Cadangan Penyelidikan tersebut dapat memenuhi keperluan dan kehendak YaPEIM.

Semua kos bagi penyediaan dan penyerahan Kertas Cadangan Penyelidikan serta pembentangan kepada YaPEIM, jika ada, adalah ditanggung sepenuhnya oleh Penyelidik.

2. TERMA DAN SYARAT

Penyelidik dianggap telah memeriksa dan memahami keseluruhan kandungan dokumen RFP ini sebelum menyediakan dan mengemukakan Kertas Cadangan Penyelidikan. Penyelidik juga dianggap telah menerima dan terikat dengan terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen RFP ini.

2.1 Penglibatan dan Penyerahan

Dokumen RFP ini bukan merupakan kontrak dengan YaPEIM. Tiada kontrak diwujudkan sehingga pemilihan Kertas Cadangan Penyelidikan itu dimuktamadkan.

YaPEIM boleh, mengikut budi bicaranya, menolak mana-mana atau semua Kertas Cadangan Penyelidikan tanpa perbincangan lanjut dan / atau menolak daripada mana-mana Penyelidik yang telah bermasalah atau tidak setia dalam mana-mana bekas kontrak dengan YaPEIM.

Penyelidik yang menarik balik Kertas Cadangan Penyelidikan yang telah dikemukakan boleh disenarai hitam daripada mengambil bahagian dalam Kertas Cadangan Penyelidikan/Tender masa depan, selaras dengan dasar YaPEIM.

Penyelidik terpilih tidak dibenarkan menggunakan atau menetapkan kajian untuk mana-mana pihak lain tanpa keizinan bertulis daripada YaPEIM. YaPEIM berhak untuk melantik semula Penyelidik lain sekiranya peraturan ini dilanggar.

2.2 Pelan Kertas Cadangan Penyelidikan

YaPEIM berhak untuk meminda perincian dan syarat dalam dokumen RFP ini untuk membetulkan kesilapan, peninggalan atau percanggahan, atau untuk menggambarkan apa-apa perubahan dalam dasar. Sebarang pindaan akan dinyatakan di dalam lampiran tambahan kepada dokumen ini. Hanya Penyelidik yang berminat dan telah memberi maklumbalas terhadap dokumen RFP ini akan dimaklumkan melalui e-mail tidak lewat daripada lima (5) hari bekerja sebelum masa dan tarikh tutup untuk mengemukakan Kertas Cadangan Penyelidikan.

2.2.1 Bahasa

Kertas Cadangan Penyelidikan mestilah dikemukakan dalam Bahasa Malaysia.

2.2.2 Harga / Kos

Penyelidik mestilah memastikan bahawa harga/kos yang disebut dalam Kertas Cadangan Penyelidikan adalah benar, tepat dan lengkap sebelum mengemukakan kepada YaPEIM:

- Semua harga/kos yang disebut mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM), yang termasuk semua cukai perkhidmatan yang dikenakan, cukai pegangan dan cukai kerajaan Malaysia lain yang akan ditanggung dan perlu dibayar oleh YaPEIM di bawah undang-undang; dan
- Harga/kos yang disebutkan tidak akan tertakluk kepada sebarang turun naik RM disebabkan oleh sebarang sebab, dan akan terpakai sepanjang proses kajian dan Perjanjian antara YaPEIM dan Penyelidik; dan
- Penyelidik hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa ketinggalan atau kesilapan terhadap harga/kos yang disebut kepada YaPEIM dan tidak mempunyai hak untuk mengenakan apa-apa kos tambahan, membuat tuntutan daripada YaPEIM atau meminta YaPEIM atas apa-apa alasan untuk pembedaan dan pertimbangan semula harga/kos yang disebut.

YaPEIM akan membuat pembayaran kajian berdasarkan kaedah berikut:

- Selepas Lantikan 20%; dan
- Penyediaan Laporan Awal 30%; dan
- Penyediaan Laporan Akhir 30%; dan
- Penutup Penyelidikan 20%.

2.2.3 Kandungan

Kertas Cadangan Penyelidikan hendaklah menepati semua perincian, keperluan, kos, terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen RFP. Semua bahan yang dikemukakan oleh Penyelidik akan menjadi milik YaPEIM dan tidak akan dikembalikan.

2.2.4 Tempoh Sah Laku Kertas Cadangan Penyelidikan

Tempoh sah laku Kertas Cadangan Penyelidikan beserta harga/kos yang disebut hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan selepas tarikh tutup. Para Penyelidik dikehendaki menyatakan secara khusus tempoh sah laku Kertas Cadangan Penyelidikan dalam Surat Pengantar.

Kertas Cadangan Penyelidikan yang telah dikemukakan tidak boleh dipinda sepanjang tempoh sah laku dan sepanjang perjanjian YaPEIM dan Penyelidik (yang terpilih) termeterai.

2.2.5 Kerahsiaan

Dokumen RFP ini adalah sulit. Maklumat yang terkandung dalam dokumen RFP ini tidak boleh didedahkan secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana pihak lain.

Penyelidik yang mengambil bahagian tidak dibenarkan untuk memberikan apa-apa maklumat, membuat kenyataan atau mengeluarkan apa-apa dokumen atau bahan bertulis atau cetakan lain mengenai penerimaan RFP untuk penerbitan di mana-mana media tanpa kelulusan YaPEIM terlebih dahulu. Hasil penyelidikan ini boleh diterbitkan dengan mendapat kebenaran dari YaPEIM dan penghargaan yang sewajarnya kepada YaPEIM harus dicatatkan dalam penerbitan tersebut.

Maklumat dan dokumen yang disediakan oleh Penyelidik adalah sulit.

YaPEIM tidak diwajibkan untuk memaklumkan atau memberikan butir-butir proses pemilihan sama ada Penyelidik berjaya atau tidak berjaya dalam tawaran ini.

2.3 Kontrak

Perjanjian akan disediakan oleh YaPEIM untuk ditandatangani dan dimeterai antara YaPEIM dan Penyelidik yang terpilih setelah mendapat perlantikan kajian.

2.4 Hak Cipta

Dokumen RFP ini adalah hak cipta milik penuh YaPEIM, kecuali ekstrak dari penyelidikan ini untuk tujuan penerbitan yang harus mendapat kebenaran dari pihak YaPEIM.

3. LATAR BELAKANG

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) merupakan sebuah badan amanah awam yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Trustees (Incorporation) Act 1952. Bagi menggerakkan potensi dan meluaskan peranannya, YaPEIM telah disusun dan dilancarkan semula oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 20 Julai 1984.

Teras Bisnes YaPEIM terdiri daripada Sosial Bisnes dan Program Kebajikan. YaPEIM mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti ekonomi termasuk pasar raya, perdagangan emas dan hartanah dengan sebahagian daripada keuntungannya digunakan untuk membiayai program kebajikan. YaPEIM mempunyai kira-kira 350 pekerja termasuk kakitangan tetap, sementara dan kontrak.

4. KEPERLUAN PELAKSANAAN KAJIAN PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM PEMBIAYAAN MIKRO AR RAHNU YaPEIM


4.1 Pengenalan

Skim Pembiayaan Mikro Ar Rahnū YaPEIM merupakan antara program yang diperkenalkan dan dilaksanakan oleh YaPEIM yang telah mendapat sambutan begitu menggalakkan daripada masyarakat terutamanya kumpulan sasar seperti golongan yang berpendapatan rendah, peniaga-peniaga kecil dan khususnya mereka yang tidak memenuhi kelayakan untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan (atau dikenali sebagai non-bankable groups). Mereka menghadapi kesukaran bagi mendapatkan modal untuk perniagaan dan sumber pembiayaan bagi aktiviti-aktiviti lain yang produktif untuk membangunkan sosioekonomi ummah.

Selain itu, skim pajak gadai ini adalah berlandaskan syariah dalam menyediakan kemudahan pinjaman tanpa riba dengan cepat, mudah dan amanah melalui alternatif transaksi gadaian barang emas.

Ar Rahnū YaPEIM mengamalkan sistem yang adil dan telus tanpa sebarang unsur penindasan serta mengutamakan konsep kebajikan kepada masyarakat.

Sehingga kini, Ar Rahnū YaPEIM secara keseluruhannya mempunyai cawangan berjumlah 212 buah cawangan Ar Rahnū YaPEIM statik dan 9 buah Kaunter Bergerak Ar Rahnū YaPEIM (6 buah bas dan 3 buah van) di seluruh negara seperti berikut:



Memandangkan senario di atas, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Program Pembiayaan Mikro Ar Rahnua YaPEIM terhadap individu, masyarakat dan negara. Penemuan dari kajian ini akan menjadi input penting untuk mengkaji semula keperluan cawangan yang sedia ada, merumuskan dasar baru pembiayaan mikro dan garis panduan yang berkaitan dengan pasaran yang adil serta melihat impak/kesan sosioekonomi kepada pelanggan.

4.2 Objektif dan Skop Kajian

4.2.1 Objektif kajian yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- a) Menilai impak keberkesanan Skim Ar Rahnua YaPEIM terhadap individu, masyarakat dan negara; dan
- b) Menjadikan kajian sebagai panduan dan rujukan bagi penambahbaikan Program Ar Rahnua YaPEIM pada masa akan datang; dan
- c) Merumuskan dasar terkait dengan pembiayaan mikro.

4.2.2 Skop kajian adalah seperti berikut:-

- a) Menilai keberkesanan Program Ar Rahnua YaPEIM terhadap individu, masyarakat dan negara daripada aspek:-
 - Penilaian Program Ar Rahnua YaPEIM terhadap peningkatan prestasi dan imej YaPEIM di mata masyarakat dan negara; dan
 - Penilaian kelebihan Program Ar Rahnua YaPEIM berbanding pesaing Pajak Gadai Islam yang lain seperti upah simpan, jumlah pinjaman, perkhidmatan dan lain-lain; dan
 - Penilaian pelanggan dan masyarakat terhadap Ar Rahnua YaPEIM yang menyediakan Program Ar Rahnua daripada segi manfaat, kemudahan perkhidmatan dan lain-lain; dan
 - Penilaian keberkesanan Program Ar Rahnua YaPEIM kepada negara daripada aspek sumbangan Skim Ar Rahnua terutamanya dalam pembangunan ekonomi di Malaysia dan usaha memerangi kemiskinan bandar dan luar bandar selaras dengan agenda kerajaan dalam konteks Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Wawasan Negara.

- b) Mengkaji aspek luaran yang perlu ditambah baik dalam penyediaan perkhidmatan produk Ar Rahnu; dan
- c) Menilai potensi dan penerimaan masyarakat terhadap Program Ar Rahnu YaPEIM sekiranya berlaku pembaharuan selaras dengan gaya hidup semasa dan peningkatan penggunaan internet iaitu dengan pewujudan Platform Digital sebagai salah satu alternatif kepada pelanggan.

4.3 Perincian Kajian

Pelan Kertas Cadangan Penyelidikan ini adalah untuk menilai keberkesanan Program Pembiayaan Mikro Ar Rahnu bagi 212 buah cawangan Ar Rahnu YaPEIM di seluruh Malaysia.

Kajian ini melibatkan analisis dapatan kaji selidik terhadap 100 orang pelanggan Ar Rahnu YaPEIM sebagai responden yang tinggal di sekitar setiap 212 buah cawangan Ar Rahnu YaPEIM tersebut.

Borang kaji selidik hendaklah menyasarkan 3 golongan responden iaitu kepada individu, masyarakat dan negara.

- Bagi responden di kalangan individu, maklumat yang perlu iaitu:-
 - a. Bahagian 1 – mengandungi maklumat jumlah pembiayaan, marhun serta profil pengguna; dan
 - b. Bahagian 2 – mengandungi maklumat yang berkaitan dengan penerima manfaat daripada Skim Ar Rahnu terutamanya penggunaan wang untuk meneruskan kelangsungan hidup seperti berniaga, pendidikan anak-anak dan sebagainya; dan
 - c. Bahagian 3 – mengandungi maklumat tentang kepuasan perkhidmatan yang disediakan dan bentuk produk atau perkhidmatan baru yang diinginkan.
- Bagi responden di kalangan masyarakat yang membuat gadaian di Ar Rahnu YaPEIM, berikut adalah maklumat yang perlu iaitu:-
 - a. Bahagian 1 – mengandungi maklumat demografi, sosioekonomi dan latar belakang responden; dan
 - b. Bahagian 2 – mengandungi aspek berkaitan penilaian pengguna dan pelanggan terhadap perkhidmatan Ar rahnu, keperluan terhadap sistem gadaian Islam, aksesibiliti dan manfaat terhadap kumpulan sasaran; dan
 - c. Bahagian 3 – mengandungi persoalan berkaitan kelestarian program Ar Rahnu dan implikasi ke atas institusi dan masyarakat.
- Bagi Malaysia pula, maklumat berikut adalah diperlukan seperti:-
 - a. Bahagian 1 – ekonomi (sumbangan Skim Ar Rahnu kepada negara terutamanya kepada KDNK negara, IKS dan sebagainya); dan
 - b. Bahagian 2 – sosial (sumbangan kepada masyarakat terutama mewujudkan peluang pekerja, bantuan kewangan dan sebagainya).

Kajian ini dijangka bermula pada September 2019 dan selesai pada April 2020 dengan penyampaian analisis dan / atau laporan kajian Penyelidik. Namun begitu, laporan boleh dijangka diserahkan mengikut garis masa yang dipersetujui antara Penyelidik dan YaPEIM.

Metodologi yang digunakan untuk menjalankan kajian dan mengumpulkan maklumat yang diperlukan haruslah berkesan dan diterima pakai untuk memaksimumkan tindak balas kajian dan menghasilkan hasil yang tepat dan tidak berat sebelah serta lestari.

Setelah selesai kajian, Penyelidik hendaklah mengemukakan:-

- Data mentah dan berbutiran dalam format *Excel*, termasuk maklumat terperinci mengenai profil yang diwawancarai; dan
- Data teragregat dalam format *Excel*; dan
- Analisis dan / atau laporkan dalam slaid persembahan Power Point; dan
- Laporan akhir dalam *soft copy* dan *hard copy* (2 salinan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris).

4.4 Skop Penyelidik

Penyelidik yang dipilih dikehendaki untuk:

- Mengesyorkan metodologi yang sesuai dengan data Ar Rahnu YaPEIM; dan
- Menyedia draf soal selidik kajian untuk dinilai dan dimuktamadkan oleh YaPEIM. Soal selidik tersebut dicadangkan untuk dirangka dalam bentuk digital bagi meminimumkan pengeluaran kertas; dan
- Menjalankan kajian berdasarkan metodologi yang dipersetujui. Kajian ini perlu dijalankan secara eksklusif untuk kegunaan YaPEIM sahaja; dan
- Menjalankan kajian dan memantau pelaksanaan, pengumpulan data, kawalan kualiti, dan pemberat keputusan yang sesuai sebelum menyerahkan keputusan kepada YaPEIM; dan
- Menyediakan cadangan penambahbaikan pelan tindakan/ garis panduan/ dasar bagi Program Pembiayaan Mikro Ar Rahnu YaPEIM; dan
- Membentangkan laporan akhir sebelum dimuktamadkan oleh YaPEIM; dan
- Menyerahkan data mentah kajian / granular dan disusun bersama-sama dengan laporan kajian akhir yang mengandungi analisis hasil kajian kepada YaPEIM dengan tarikh akhir yang dipersetujui; dan
- Menterjemahkan laporan akhir dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Laporan akhir hendaklah mengikut standard format pelaporan piawai Kerajaan Malaysia terutamanya format yang dikehendaki oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Semua maklumat yang diperolehi dari kajian ini adalah sulit dan dianggap sebagai harta YaPEIM. Penyelidik yang dilantik tidak dibenarkan memberikan butir-butir

kajian dan apa-apa maklumat yang diperolehi melalui kajian kepada pihak ketiga tanpa kelulusan bertulis daripada YaPEIM terlebih dahulu.

5. PENILAIAN KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN

Tafsiran kandungan Kertas Cadangan Penyelidikan oleh YaPEIM adalah muktamad. Penilaian bagi semua Kertas Cadangan Penyelidikan yang diterima oleh YaPEIM hendaklah berdasarkan kepada kriteria berikut:

Bil.	Kriteria	Peratusan
i.	Keupayaan dan kredibiliti Penyelidik berdasarkan kepakaran dan kelayakan, rekod prestasi dan proses jaminan kualiti dalaman.	30%
ii.	Pemahaman keperluan YaPEIM dan objektif/skop kajian	15%
iii.	Pendekatan Metodologi dan Perancangan Masa	30%
iv.	Risiko kajian	10%
v.	Keberkesanan Bajet/Kos	15%
JUMLAH		100%

Panel penilai yang dilantik oleh YaPEIM akan menilai semua Kertas Cadangan Penyelidikan yang dikemukakan. Semasa proses penilaian, YaPEIM boleh pada bila-bila masa mendapatkan penjelasan/penerangan dari Penyelidik mengenai maklumat yang terkandung dalam Kertas Cadangan Penyelidikan.

YaPEIM tidak diwajibkan memberi sebarang alasan untuk tidak menerima dan menolak sebarang Kertas Cadangan Penyelidikan. Sebarang percubaan oleh Penyelidik untuk menghubungi ahli kakitangan YaPEIM atau Panel penilai dalam usaha untuk memperoleh pengetahuan atau kelebihan, boleh mengakibatkan kehilangan kelayakan Penyelidik.

6. FORMAT BALAS

6.1 Surat Pengantar

Surat Pengantar hendaklah mengandungi seperti berikut:

- Nama ketua penyelidik, alamat, nombor telefon/faks dan alamat e-mail; dan
- Kenyataan yang mengisytiharkan ketepatan dan kelengkapan SEMUA maklumat yang diberikan dalam Kertas Cadangan Penyelidikan; dan
- Kenyataan tempoh sah laku Kertas Cadangan Penyelidikan beserta harga/kos secara khusus (sekurang-kurangnya enam (6) bulan selepas tarikh tutup serahan).

6.2 Kertas Cadangan Penyelidikan

Kertas Cadangan Penyelidikan haruslah merangkumi kandungan seperti berikut:

Bil.	Perkara
1.	Ringkasan Eksekutif
2.	Pengenalan dan Tinjauan Literatur
3.	Objektif dan Skop Kajian
4.	Domain dan Atribut Kajian
	<ul style="list-style-type: none">• Penilaian Golongan Sasaran• Penilaian Pkhidmatan Ar Rahnū YaPEIM• Sosioekonomi strategik
5.	Metodologi dan Analisis Kajian
6.	Implikasi dan Jangkaan Hasil
7.	Sumber Rujukan
8.	Jadual Perancangan Masa
9.	Anggaran Kos dan Pembayaran
10.	Senarai Pasukan Penyelidik, Jawatan dan Kepakaran
11.	Senarai Kerja-kerja Penyelidikan dan Penerbitan yang berkaitan kajian serta rujukan pelanggan

6.3 Biodata Penyelidik (CV)

Biodata Ketua Penyelidik serta pasukan penyelidik hendaklah lengkap dan meliputi maklumat kepakaran dan kelayakan serta rekod prestasi sebagai rujukan YaPEIM.

-----TAMAT-----